



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

OPS KESAN 2.0 KEKANG AKTIVITI PENCATUTAN

SEPANG, 6 OGOS 2024 – OPS KESAN 2.0 telah mula dilaksanakan sejak 8 Jun 2024, iaitu sebelum pelaksanaan penyasaran subsidi diesel pada 10 Jun yang lalu. Sehingga 4 Ogos 2024, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), telah membuat pemeriksaan terhadap 24,666 buah premis perniagaan di seluruh Malaysia.

Dalam tempoh tersebut, KPDN juga telah menerima 83 aduan awam yang terkait isu kenaikan harga barang dan perkhidmatan pasca penyasaran subsidi diesel. Manakala sebanyak 244 notis bertulis telah dikeluarkan oleh Bahagian Penguat Kuasa KPDN di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (AKHAP). Daripada jumlah tersebut, setakat ini sebanyak 10 kertas siasatan telah dibuka untuk dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya.

Secara keseluruhannya, dalam tempoh dua bulan fasa awal pelaksanaan penyasaran subsidi diesel, jumlah kes yang melibatkan isu pencatutan adalah kecil dan terkawal. Ini membuktikan tahap pematuhan dalam kalangan sebahagian besar peniaga adalah baik.

KPDN menghargai komitmen komuniti perniagaan yang secara keseluruhannya tidak mengambil kesempatan untuk menaikkan harga barangan dan perkhidmatan pasca penyasaran subsidi diesel. Pada masa yang sama, KPDN akan terus memperkasa pemantauan di semua peringkat melalui OPS KESAN 2.0 dan maklum balas awam adalah amat dialu-alukan.

YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI

Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup